



**PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL.8/2001**

**SKIM LATIHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI UNTUK  
PEKERJA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada majikan tentang syarat baru permohonan Skim Teknologi Maklumat dan Komunikasi Untuk Pekerja (WITS) bagi Fasa II iaitu pekerja perlu menyertakan satu salinan kad pengenalan semasa membuat permohonan untuk mengikuti latihan.

**2.0 SYARAT BARU**

- 2.1 Urusetia telah menerima banyak permohonan bagi pelaksanaan Skim WITS Fasa I yang mana No Kad pengenalan pekerja yang salah ditulis atau tidak jelas diborang permohonan yang berkenaan. Perkara ini menimbulkan kesulitan terhadap pegawai yang memproses dan menimbulkan masalah pembayaran apabila penyedia latihan membuat tuntutan.
- 2.2 Memandangkan Skim WITS Fasa I mendapat sambutan yang amat menggalakkan, peruntukan bagi skim ini telah ditambah dan Skim WITS Fasa II telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2001 (sila rujuk Pekeliling Majikan Bil 6/2001).
- 2.3 Sehubungan itu, bagi melicinkan pelaksanaan Skim WITS Fasa II, pekerja yang membuat permohonan untuk mengikuti latihan di bawah Skim WITS perlu menyertakan satu salinan Kad Pengenalan yang dikepilkan bersama borang permohonan PSMB/ICT/1/01.
- 2.4 Perlu ditegaskan bahawa permohonan yang tidak disertakan dengan kad pengenalan tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

**3.0 PENUTUP**

- 3.1 Diharap para majikan/pekerja akan mengambil perhatian terhadap perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "**  
**"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"**

Yang ikhlas,

**(SHARIL B. HASSAN)**

b.p. Ketua Eksekutif  
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Ketua Eksekutif  
Pengarah 1  
Pengarah 2  
Semua Pengarah Cawanagn  
Penolong Pengarah (G) 3  
Penolong Pengarah (P) 6

Penyedia Latihan Skim WITS